



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

## **UCAPAN ALUAN**

**YB DATO SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI  
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA (MRTM) DEEPAVALI 2021**

**BERTEMPAT DI MATIC, KUALA LUMPUR**

**(SALUTASI DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,  
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM KELUARGA MALAYSIA.**

**MUKADIMAH**

1. Alhamdullillah, saya bersyukur atas limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama berhimpun kembali, buat pertama kalinya, bersempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Deepavali 2021 pada malam yang cukup indah serta harmoni ini.
2. Awal bicara, saya mewakili pihak penganjur, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri yang dikasihi oleh seluruh Keluarga Malaysia atas kesudian, melapangkan masa untuk menghadiri dan seterusnya merasmikan MRTM Deepavali 2021, malam ini.
3. Sesungguhnya, kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri, memberikan suntikan semangat kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, MOTAC, untuk melaksanakan peranan dan fungsinya dalam memperkasakan program atau aktiviti pelancongan dan kebudayaan ke arah mengukuhkan jati diri bangsa.
4. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan dan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri S.A Vigneswaran, Presiden MIC kerana turut hadir sama, meraikan majlis sambutan MRTM Deepavali kali ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Malam ini merupakan sambutan Majlis Rumah Terbuka yang pertama dianjurkan oleh MOTAC secara fizikal, setelah penularan pandemik COVID-19 mulai Mac 2019. Pertemuan pada malam ini melambangkan kesepaduan, keserasian, dan keharmonian kita semua sebagai sebuah Keluarga Malaysia, dalam sama-sama meraikan perayaan Hari Deepavali, yang disambut oleh saudara kita, yang beragama Hindu.
6. Bagi MOTAC, acara tahunan ini merupakan cerminan betapa negara kita berpegang teguh kepada keeratan perpaduan, dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kepelbagaian kaum yang hidup dalam suasana harmoni merupakan identiti unik, yang menjadi salah satu tarikan utama pelancong ke negara ini. Ia sekaligus menjadi kunci utama, dalam memulih dan merancakkan semula industri pelancongan Malaysia.
7. Kita sedar bahawa pandemik COVID-19 masih lagi belum reda. Ini, menyebabkan orang ramai sentiasa berhati-hati dan berwaspada, melibatkan diri untuk program atau aktiviti secara fizikal, dalam suasana kehidupan norma baharu.
8. Justeru itu, dalam penganjuran program MRTM kali ini, MOTAC telah menetapkan mekanisme kehadiran pengunjung berdasarkan norma baharu, iaitu melalui pendaftaran awal secara dalam talian, disusuli dengan pemeriksaan vaksinasi lengkap di pintu-pintu masuk, penguatkuasaan di keseluruhan tapak MRTM, serta ingatan dari semasa ke semasa oleh petugas-petugas di lokasi berhubung pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP), amalan penjagaan

kebersihan tangan (sanitasi), penjaraikan sosial dan pemakaian pelitup muka, sepanjang berada di majlis ini.

9. Pelaksanaan MRTM Deepavali 2021 kali ini dengan mekanisme SOP yang ditetapkan, bakal menjadi penanda aras, bagi pelaksanaan program-program fizikal atau majlis sosial MOTAC, yang akan datang.

10. Saya pasti Keluarga Malaysia amat menghargai peluang menikmati kemeriahinan setiap perayaan, dengan merasai pelbagai makanan tradisi dan fusion, menonton pelbagai seni persembahan serta lain-lain aktiviti, sebagaimana budaya kehidupan kita, sebelum penularan COVID-19.

## **PENUTUP**

Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka saya mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-Menteri serta dif-dif kenamaan yang sudi hadir, serta merakamkan penghargaan kepada keluarga MOTAC dan semua pihak yang terlibat, dalam penganjuran sambutan MRTM Deepavali, pada malam ini. Terima kasih juga kepada semua hadirin yang sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan.

**Indah berwarna, berbaju kebaya**

**Senyum menawan, di bawah mentari**

**Biar berbeza agama dan bangsa**

**Kita raikan, pesta Deepavali**

Sekian, terima kasih.